

Hak asasi bukan mutlak: Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan bertanggungjawab memimpin rakyat tanpa mengubah konsep demokrasi menjadi demokrasi terpimpin, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Bellau berkata, tanggungjawab itu adalah berat kerana perbezaan di antara kepemimpinan dan demokrasi terpimpin sukar dijelaskan berikutan berlainan pendapat.

"Terlalu kurang kepemimpinan, akan melahirkan sikap tidak bertanggungjawab manakala terlalu banyak akan menyebabkan demokrasi ditolak," katanya.

Berucap merasmikan Persidangan Kedua Menteri Penerangan Asean di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, rakyat harus sedar bahawa mereka juga perlu bertanggungjawab dalam mengamalkan kebebasan demokrasi.

Sehubungan itu, katanya, hak asasi dan kebebasan bukan hak mutlak untuk melakukan apa sahaja kerana ia perlu diselaraskan dengan tanggungjawab bagi mewujudkan demokrasi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat bukan sahaja perlu menghormati hak dan kebebasan mereka tetapi juga bertanggungjawab yang boleh diwujudkan melalui pendidikan

formal dan informal mengenai demokrasi.

"Dalam hal ini, Kementerian penerangan, jabatan dan agensi kerajaan perlu melaksanakan tanggungjawab mereka. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakannya," katanya.

Menurutnya, mereka yang memahami amalan demokrasi dan hadnya akan memperolehi faedah maksimum daripada sistem itu.

"Penerimaan membuta tuli terhadap tafsiran orang lain mengenai demokrasi dan penyerahan bulat-bulat kepada amalan tertentu, termasuk mencipta dan menyebarkan fitnah, akan menghancurkan demokrasi," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab melindungi demokrasi dan kebebasan, tetapi juga membangunkan kebajikan sosial dan ekonomi rakyat.

"Apabila kerajaan tidak patut menghalang kebenaran; apabila perlu ada kebebasan akhbar dan penyebaran maklumat secara bebas, kerajaan akan gagal melaksanakan tanggungjawabnya jika mereka membiarkan penyalahgunaan kebebasan akhbar sehingga fitnah boleh disebarkan dan kestabilan dan kebajikan ekonomi rakyat diketepikan," katanya.